



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**  
**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**

Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/97 Jld.4 ( 45 )

Tarikh : 22 Disember 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI AGENSI-AGENSI DI WILAYAH PERSEKUTUAN (W.P) KUALA LUMPUR DAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) GOMBAK, SELANGOR.**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT (Kew)] Gred W22 di agensi-agensi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Selangor. Sehubungan dengan ini, pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan dimohon untuk mengemukakan maklumat PT (Kew) Gred W19 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti yang berikut:

- 2.1 **Disahkan di dalam perkhidmatan;**
- 2.2 **Dilantik sebagai PT (Kew) Gred W19 pada 31 Julai 2009 dan sebelum (tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred W19 berubah ke tarikh 1 Ogos 2009 dan seterusnya);**
- 2.3 **Tidak layak/tidak memilih untuk opsyen tukar lantik ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29 pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016;**
- 2.4 Markah LNPT tahun terkini (2019) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2017, 2018 dan 2019) tidak kurang 80%;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan hendaklah disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.9 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

...2/



3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan **calon-calon yang bersedia untuk penempatan di agensi-agensi di W.P Kuala Lumpur dan IPD Gombak, Selangor sahaja digalakkan untuk memohon urusan pemangkuan ini.**

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari kementerian/jabatan/agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 15 Januari 2021** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

5. Dimaklumkan bahawa menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), kementerian / jabatan / agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti yang dinyatakan dalam **perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- |     |  |   |              |
|-----|--|---|--------------|
| i.  | Encik Mohd Fauzi bin Hashim<br><a href="mailto:fauzi.hashim@jpa.gov.my">fauzi.hashim@jpa.gov.my</a>        | - | 03-8885 4782 |
| ii. | Puan Norsiti Farrah binti Roslan<br><a href="mailto:farrah.roslan@jpa.gov.my">farrah.roslan@jpa.gov.my</a> | - | 03-8885 4147 |

7. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)**

Timbalan Pengarah  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : [nursara.abdullah@jpa.gov.my](mailto:nursara.abdullah@jpa.gov.my)